

MENGGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN: LATIHAN 7

ARAHAN: Gantikan frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini dengan sepatah perkataan yang sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Nenek saya selalu berkata kita akan berkata-kata semasa tidur jika tidak membasuh kaki sebelum tidur.
 (1) berbicara (2) berdengkur
 (3) bersungut (4) mengigau ()
- 2 Gelas-gelas kaca itu pecah menjadi serpihan-serpihan kecil lalu bertaburan di lantai kerana terjatuh sebelum sempat diletakkan di atas meja.
 (1) berkecai (2) hangit
 (3) retak (4) terbelah ()
- 3 Penjaja itu mengenakan air rata-rata dengan alat penyembur pada sayur-sayurannya supaya kelihatan segar dan tidak layu.
 (1) merendam (2) merenjis
 (3) menyimbah (4) menyiram ()
- 4 Cik Tom mengadun tepung, gula, mentega dan telur itu sehingga menjadi satu sebelum dituangkan ke dalam acuan untuk dibakar.
 (1) sehati (2) sempurna
 (3) sesuai (4) sewarna ()
- 5 Saya cuba menggunakan kata-kata yang manis supaya adik kecil saya berhenti menangis sebaik sahaja dia bangun tidur.
 (1) meminta (2) memujuk
 (3) mengajak (4) menyuruh ()
- 6 Kita tidak perlu gunakan alat untuk melicinkan permukaan papan pada papan-papan yang baru dibeli itu kerana ia sudah siap licin.
 (1) jangka (2) ketam
 (3) tangguk (4) tukul ()
- 7 Sebelum menjalankan pembedahan, doktor telah menyuntiknya dengan ubat menyebabkan tidak rasa apa-apa.
 (1) batuk (2) istimewa
 (3) lali (4) sempurna ()
- 8 Toni memusingkan kepalanya untuk melihat ke kanan apabila mendengar namanya dipanggil orang.
 (1) mengangguk (2) menghina
 (3) menoleh (4) menunduk ()

9.	Berjuta-juta orang Yahudi di Eropah telah dibunuh oleh seorang pemerintah yang <u>tidak mempunyai belas kasihan</u> .	(1) gagah (3) handal	(2) ganas (4) kejam	()
10.	Ayah suruh saya <u>letak di dalam tempat beras</u> buah-buah ciku itu untuk beberapa hari supaya lekas masak.	(1) bungkus (3) peram	(2) canai (4) selit	()
11.	Saya bantu ibu <u>ramas dan genggam kuat dengan mengepalkan tangan</u> kelapa parut dicampur air itu untuk dapatkan santannya.	(1) adun (3) tapis	(2) perah (4) uli	()
12.	Pak Musa dan ahli-ahli keluarganya cermat dan tidak membazir kerana <u>wang yang didapati untuk membuat kerjanya</u> kecil,	(1) gaji (3) pampasan	(2) ganjaran (4) tebusan	()
13.	Ramai orang suka <u>menghilangkan penat</u> dan bersantai di taman yang baru dibuka untuk orang ramai itu pada waktu petang.	(1) berehat (3) bersandar	(2) berlunjur (4) bersendir	()
14.	Setiap pelajar harus mempunyai <u>buku yang mengandungi erti perkataan-perkataan</u> untuk membantu mereka dalam pelajaran Bahasa Melayu.	(1) artikel (3) majalah	(2) kamus (4) makalah	()
15.	Walaupun anaknya tinggal di Kuala Lumpur kerana sedang menuntut di sana, Puan Wati selalu berbual dengannya menggunakan <u>alat perhubungan dengan bercakap</u> .	(1) mikrofon (3) telegram	(2) telefon (4) transistor	()